

<p class="pagenav">4 Disember 2007</p><p>

</p><p><u>Rencana</u></p><p align="justify">AWANG terkejut apabila Dr. Chua Soi Lek memberi contoh kes seorang doktor hospital swasta membuat pemeriksaan 15 kali ke atas seorang pesakitnya dalam sehari dengan bayaran RM3,000. Jika diagihkan waktu, secara purata pesakit terbabit diperiksa setiap 1 jam 36 minit dan setiap kali dikenakan RM200.</p><div align="justify"> Andaian Awang ialah pesakit terbabit pastilah berdepan kes yang terlalu kritikal atau penyakitnya terlalu bahaya, sehingga memaksa dia terpaksa diperiksa begitu kerap.</div><div align="justify"><p align="justify">Namun tanda tanya bermain di benak Awang apabila Dr. Chua yang Awang kenal adalah doktor perubatan sebelum aktif berpolitik, menimbulkan hal ini. Macam ada yang tak berapa kena. </p><div align="justify"> </div><p align="justify">Maka wajarlah MMA memantau gerak geri anak buah mereka, takut-takut etika perubatan dilanggar, semata-mata kerana mengejar untung keterlaluan. MMC juga pastinya berminat untuk melihat kes-kes yang pelik seperti itu. </p><div align="justify"> </div><p align="justify">Yang Awang tahu, profesion kedokteran diikat kuat pada etika perubatan sehinggalah perkhidmatan itu tidak boleh diiklankan sewenang-wenangnya.</p><div align="justify"> </div><p align="justify">Ketika kerajaan berusaha keras mempromosi negara sebagai destinasi pelancongan perubatan, doktor atau hospital swasta tidaklah wajar mengambil peluang mengaut untung besar sembarangan. </p><div align="justify"> </div><p align="justify">Awang Pergi klinik kerajaan.</p><div align="justify"></div>